



**IMPLEMENTATION OF SOCIAL ENTREPRENEURSHIP
PROJECT THROUGH *SYUBHAH* FUND: CASE STUDY OF
BAHRUL ULUM RELIGIOUS PRIMARY SCHOOL (SRIBU),
BUKIT MERTAJAM, PENANG ISLAND**

**PELAKSANAAN PROJEK KEUSAHAWANAN SOSIAL MELALUI
DANA *SYUBHAH*: KAJIAN KES SEKOLAH RENDAH AGAMA
BAHRUL ULUM (SRIBU), BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG**

RADIEAH MOHD NOR

Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Universiti Sains Malaysia.

Email: radieah@usm.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 12TH OCT. 2022; REVISED – 29TH NOV. 2022; ACCEPTED – 6TH DEC. 2022)

ABSTRACT

This paper intends to examine how *syubhab* funds that are used for social entrepreneurship initiatives are managed. In order to assess a project's strengths (S), weaknesses (W), opportunities (O), and threats (T), a SWOT analysis was used to evaluate it. This evaluation is required in order to select the best project for Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd's allocation of money (MIAM). This paper intends to examine how *syubhab* funds that are used for social entrepreneurship initiatives are managed. The rabbit farming project was initiated in a private religious school, Sekolah Rendah Agama Bahrul Ulum (SRIBU), Penang, as a result of unstable school finances. This project was a joint effort between banking organisations MIAM and the Center for Global Sustainability Studies (CGSS), Universiti Sains Malaysia (USM). This project employs the idea of social entrepreneurship to raise the school's income in order to pay for the operational costs and construction expenditures of the school via the distribution of *syubhab* funds. Additionally, this project faces difficulties with staffing and up with a marketing plan. These difficulties have been surmounted, though. This kind of project is thought to have excellent potential for implementation in other schools as a means of generating revenue to help the institution's finances.

Keywords: *syubhab* fund; social entrepreneurship; SWOT analysis.

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat pengurusan dana *syubhab* yang disalurkan untuk kegiatan keusahawanan sosial. Pemilihan projek ini dilaksanakan menggunakan analisis SWOT bagi menilai kekuatan (S), kelemahan (W), peluang (O) dan ancaman (T) dalam sesebuah projek. Penilaian ini penting untuk memilih projek terbaik bagi membelanjakan peruntukan dana dari Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (MIAM). Kewangan sekolah yang tidak kukuh membuatkan projek penternakan arnab pedagang yang dilaksanakan di sekolah agama swasta iaitu Sekolah Rendah Agama Bahrul Ulum (SRIBU), Pulau Pinang dipilih dengan usaha sama antara agensi perbankan MIAM dengan kerjasama Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Universiti Sains Malaysia (USM). Menggunakan agihan dana wang *syubhab*, projek ini menggunakan konsep keusahawanan sosial yang bertujuan untuk menambah pendapatan sekolah untuk membiayai kos operasi dan kos pembinaan sekolah. Projek ini turut memiliki cabaran dari sudut tenaga kerja dan pemasaran produk. Walau bagaimanapun, cabaran ini telah berjaya diatasi. Projek sebegini juga dilihat berpotensi besar untuk dilakukan di sekolah lain sebagai sumber pendapatan untuk menampung kewangan pihak sekolah.

Kata Kunci: dana *syubhab*; keusahawanan sosial; analisis SWOT.

PENGENALAN

Keusahawanan sosial bertujuan melakukan aktiviti keusahawanan untuk menyelesaikan masalah sosial. Masalah sosial ini, secara tidak langsung banyak melibatkan isu kemiskinan (Thompson, 2008; Lateh, 2018). Walaupun ia menggunakan konsep keusahawanan, tetapi ia tidak mementingkan keuntungan, sebaliknya untuk memenuhi keperluan asas jangka panjang seperti menyediakan makanan, air, tempat tinggal, pendidikan, dan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat yang memerlukan (Mutarubukwa & Mazana, 2017). Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan definisinya yang tersendiri berkaitan keusahawanan sosial iaitu suatu kaedah penyelesaian isu sosial terhadap kumpulan sasaran menerusi elemen ekonomi yang menggabungkan inovasi sosial dan kerja sosial.

Institusi yang berjaya mengaplikasi konsep keusahawanan sosial untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat antaranya adalah Bank Grameen di Bangladesh menyediakan pinjaman kredit mikro kepada golongan wanita untuk memulakan perniagaan mereka, The Institute for One World Health, Amerika Syarikat yang membekalkan ubat-ubatan kepada

golongan miskin dan SEKEM di Mesir yang memberikan khidmat kesihatan dan pendidikan kepada golongan dewasa dan kanak-kanak (Seelos & Mair, 2005). Keusahawanan sosial ini tidak terhad di luar negara sahaja tetapi juga telah diaplikasikan di Malaysia seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) dan Klinik Waqaf al-Nur (Noor Hisham, 2015).

Keusahawanan sosial ini juga cuba digerakkan oleh Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (MIAM) dengan kerjasama Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Universiti Sains Malaysia (USM) berbeza dengan keusahawanan sosial yang lain. Ia terjadi apabila MIAM menggunakan sebahagian daripada dana *syubhab* bertujuan untuk mengembangkan inisiatif pembangunan lestari kepada masyarakat. Walaupun fatwa berkaitan penggunaan dana tidak patuh *syariah* ini telah diperluaskan konsep pengurusanannya, inovasi keusahawanan sosial menggunakan dana *syubhab* ini didapati masih baharu pada peringkat antarabangsa mahupun pada peringkat nasional. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat pengurusan dana *syubhab* yang disalurkan untuk kegiatan keusahawanan sosial yang telah dilakukan oleh MIAM dalam usaha pihak perbankan memberi impak sosial kepada masyarakat. Pelaksanaan pengurusan dana *syubhab* menggunakan pakai fatwa terkini ini masih belum diguna pakai secara meluas di seluruh Malaysia, walaupun fatwa kontemporari telah mengharuskan supaya wang syubaha tersebut dibelanjakan ke arah kebajikan.

SOROTAN KARYA

Keusahawanan Sosial

Pembasmian kemiskinan memerlukan inovasi sosial yang baharu seiring dengan perkembangan zaman. Menurut Fahrudi (2020) inovasi tersebut dapat diterokai dan dibentuk dengan menggabungkan konsep inovasi sosial, keusahawanan sosial dan inovasi berjimat cermat, sejenis inovasi sosial yang bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan. Keusahawanan sosial dapat menggalakkan peluang perniagaan yang seterusnya boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi, daya saing yang mampan dan kemakmuran sesebuah negara (Prasetyo & Kistanti, 2020). Sebarang tindakan atau idea untuk menyelesaikan masalah sosial melalui pemahaman yang jelas tentang keperluan sosial, eksploitasi peluang yang wujud dan penciptaan produk atau perkhidmatan turut dikaitkan dengan keusahawanan sosial (Perrini et al., 2010). Ia penting supaya keperluan asas seperti makanan, air, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan dapat dipenuhi dalam jangka masa panjang tanpa melibatkan sebarang keuntungan (Mutarubukwa & Mazana, 2017). Matlamat keusahawanan sosial turut memiliki hubungan antara konsep perniagaan atau aktiviti ekonomi yang dimanfaatkan bagi menyelesaikan isu kemiskinan, ketaksamaan pendapatan dan pemilikan kekayaan, kemudahan

infrastruktur setempat atau mengurangkan kadar jenayah (Haughton, 2013; Lateh, 2018).

Dana Syubhah

Syubhah dari sudut bahasa merupakan perkataan Arab yang membawa maksud kesamaran dan diragui hukumnya sama ada halal atau haram; hak atau batil. Ia juga dikaitkan dengan perkataan *tashabuh* dan *tashbih*. *Tashabuh* bermaksud menyerupai sehingga sukar dibezakan, manakala *tashbih* pula bermaksud menjadi samar dan tidak jelas (JAWHAR, 2009). Menurut Al-Qaradawiy (2014), *syubhah* dari segi syarak ialah perkara yang tidak diketahui hukumnya oleh masyarakat dan masih samar-samar hukumnya, sama ada ia halal atau haram. Imam Ahmad bin Hanbal pula, mentakrifkan *syubhah* sebagai perkara yang berada antara dua hukum iaitu halal dengan haram.

Secara umumnya dana *syubhah* merujuk kepada sebarang jenis harta yang diperolehi daripada transaksi yang bertentangan dengan syarak. Contohnya riba, judi dan rasuah. Selain itu, ia turut terjadi disebabkan percampuran antara aktiviti yang dibenarkan oleh syarak dengan yang tidak dibenarkan oleh syarak (Abdullah & Seman, 2018). Al-Qaradawiy (2014) juga menjelaskan, Islam telah membuat ketetapan bahawa umatnya perlu meninggalkan perkara yang *syubhah* bagi mengelakkan diri daripada terjerumus kepada perkara yang nyata haramnya. Ia merupakan hukum *feqah* berdasarkan kaedah *saddul-ẓarā'i* iaitu menutup jalan-jalan yang membawa kepada kerosakan. Kesimpulannya, *syubhah* ialah sesuatu perkara yang tidak jelas hukumnya sama ada halal atau haram kerana berlakunya percampuran antara keduanya.

Dari sudut perbankan, pendapatan *syubhah* agak sukar terhasil dalam sudut pendepositan melainkan wang yang tidak *syariah*. Namun ia boleh terhasil daripada *gharamah* atau penalti dalam pembiayaan, sering juga dikenakan oleh pihak institusi kewangan kepada pelanggan yang terlewat bayar atau mungkir (JAWHAR, 2009).

Hal ini telah dibincangkan semasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (JFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23 –25 Jun 2009 berkaitan Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmāl dan Institusi Islam Lain. Keputusan muzakarah telah menetapkan sebagaimana berikut:

“Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi Syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Diserah kepada baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- ii. Diserah kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada baitulmal”.

Keputusan ini telah diterima pakai di beberapa Majlis Fatwa Negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Negeri lain pula memiliki fatwanya tersendiri sebagaimana berikut:

Jadual 1: Keputusan Mesyuarat Majlis Fatwa Negeri bagi hukum penyaluran harta tidak patuh Syariah

Majlis Fatwa Negeri	Fatwa yang dikeluarkan
Kedah	“Wang faedah bank boleh samada disalurkan ke baitulmal atau dibelanjakan kepada jalan-jalan kebajikan am termasuk kebajikan kepada masjid
Wilayah Persekutuan	“Menerima faedah dari wang simpanan tetap dan simpanan biasa adalah haram hukumnya, wang itu hendaklah diserahkan kepada baitulmal”
Johor	“Seperti harta yang tersebut itu hendaklah terlebih dahulu diserahkan kepada Baitulmal atau diserahkan kepada beberapa orang yang amanah dipercayai supaya dibelanjakan untuk masalah Islam.”
Terengganu	“Sekiranya harta diperolehi daripada perkara yang haram seperti perjudian, arak atau riba, maka hak milik harta ini telah berpindah kepada kemaslahatan umum. Ia hendaklah diserahkan kepada Baitulmal atau boleh juga diserahkan kepada golongan fakir miskin dan memerlukan atau diserah untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti untuk membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya.”
Kelantan	“Faedah yang datang daripada wang simpanan yang dibuat oleh orang-orang Islam perseorangan dalam mana-mana

	bank boleh diterima oleh orang itu, kerana kecemasan itu juga (kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini) tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam baitulmāl atau dibelanja untuk kegunaan masalah am.”
Perak	Wang riba (faedah bank) boleh digunakan untuk perkara-perkara yang dianggap hina dan digunakan untuk kepentingan awam seperti membuat jalan, tandas, titi dan sebagainya. Jika berhasrat untuk didermakan kepada masjid pastikan duit itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang berkenaan.
Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Wang tidak patuh Syariah yang diperolehi boleh dijadikan sumber baitulmāl dan harus dimasukkan ke dalam akaun baitulmāl. ii. Penggunaan wang tidak patuh Syariah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di MAIS seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan, emolumen, pendidikan, pertanian, penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan, tandas, jambatan dan lain-lain untuk kegunaan umum

Sumber: Abdullah & Seman (2018)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-3 yang berlangsung pada 21 Januari 1971 pula telah menetapkan bahawa:

“Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang Muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam baitulmal atau untuk kegunaan masalah umum”.

Menurut JAWHAR (2009), dana *syubhah* boleh diagihkan dalam bentuk sumbangan kepada orang perseorangan, badan-badan bukan kerajaan, badan kebajikan, persatuan ataupun projek-projek yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum seperti projek pembinaan dan penyelenggaraan bangunan, kemudahan asas, pembinaan jambatan, pembinaan dan penyelenggaraan jalan. Ini adalah kerana agihan dalam bentuk *maslahah`ammah* terutama dalam bentuk infrastruktur boleh dimanfaatkan oleh semua pihak secara umum sama ada orang Islam atau bukan Islam.

Pengurusan dana syubhah menurut Bank Negara Malaysia (BNM)

Dari sudut perbankan penyucian pendapatan tidak halal adalah proses memisahkan pendapatan tidak halal menurut *Syariah* daripada jumlah keseluruhan pendapatan yang dihasilkan oleh bank Islam. Ketidapatuhan terhadap hukum *Syariah* dalam sistem perbankan Islam terjadi kerana perbankan Islam tidak dapat memenuhi sepenuhnya keperluan *Syariah* dalam transaksi, operasi dan kegiatan wang mereka (Saidatolakma, 2017). Dari sudut perbankan, pendapatan *syubhah* agak sukar terhasil dalam sudut pendepositan melainkan wang tidak patuh *syariah*, namun ia boleh terhasil daripada *gharamah* atau penalti dalam pembiayaan, sering juga dikenakan oleh pihak institusi kewangan kepada pelanggan yang mungkin (JAWHAR, 2009).

Sebagaimana yang telah diperuntukkan, BNM tidak menetapkan sebarang polisi khusus untuk pihak bank menyalurkan pendapatan mereka yang tidak patuh *Syariah*. Namun, terdapat satu kaedah yang dinyatakan dalam Garis Panduan Caj Bayaran Lewat untuk Institusi Kewangan Islam (*Guidelines on Late Payment Charges for Islamic Financial Institutions*) yang dikeluarkan oleh BNM pada tahun 2013. Berdasarkan garis panduan tersebut, sebarang bayaran yang terhasil daripada caj *gharamah* adalah diklasifikasikan sebagai pendapatan tidak patuh *Syariah* dan pendapatan tersebut perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa *Syariah* institusi kewangan Islam masing-masing (BNM, 2013). Ini bermakna, pendapatan yang terhasil daripada aktiviti tidak patuh *Syariah* yang disahkan oleh Jawatankuasa *Syariah* perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan seperti yang disarankan oleh BNM (2013).

Sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), BMMB telah mengagihkan dana *syubhah* sejumlah RM559,440.64 daripada pendapatan untuk digunakan bagi aktiviti *mastabah* umum. Berikut ialah pecahan agihan dari tahun 2011 hingga 2017.

Jadual 2: Jumlah agihan dana syubhah oleh BMMB dari tahun 2011 hingga 2017

Tujuan	Tempat	Jumlah Agihan
Membeli pam air	Kemboja	RM 48,000.00
Membaiki rumah golongan fakir/ miskin	Kemboja	RM 30,000.00
Membiayai kos membuat jambatan	Kemboja	RM 12,000.00
Membiayai kos pembinaan jalan di Kampung Muslim Umum	Kemboja	RM 12,500.00
Bantuan makanan dan keperluan	Pantai Timur	RM 66,999.09

harian untuk mangsa banjir	Semenanjung Malaysia	
Sumbangan pembangunan sekolah	Kelantan	RM 50,000.00
Sumbangan pembangunan sekolah agama	Kemboja	RM 241,087.50
Bantuan makanan, keperluan harian dan pembangunan infrastruktur untuk mangsa banjir	Bosnia	RM 55,000.00
Sumbangan untuk membina 10 buah kelas pengajian Ma'ahad Tahfiz Qur'an	Pakistan	RM 43,854.05
Jumlah Keseluruhan		RM 559,440.64

Sumber: Abdullah & Seman (2018)

Berdasarkan perbelanjaan tersebut, sebanyak 70 peratus jumlah agihan atau RM389,941.55 adalah diperuntukkan bagi tujuan pendidikan manakala selebihnya iaitu sebanyak 30 peratus atau RM169,499.09 diperuntukkan bagi pembangunan kemudahan awam (Abdullah & Seman, 2018).

Pengurusan Sekolah Swasta

Sumber kewangan yang kukuh adalah sangat penting untuk menggerakkan sesebuah institusi termasuklah institusi pendidikan (Ili Kamilah et al., 2018). Menyedari akan hal tersebut, tidak menghairankan sekiranya peruntukan kewangan yang banyak disalurkan oleh pihak kerajaan pusat semasa Belanjawan 2020 dan 2021 iaitu masing-masing sebanyak RM100 juta untuk tujuan penyelenggaraan sekolah tahfiz dan sekolah agama rakyat (SAR) yang berdaftar (MOF, 2020 & 2021). Walau bagaimanapun, institusi pendidikan tidak seharusnya bergantung harap sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Institusi ini perlu mengorak langkah supaya lebih berdaya saing dengan institusi pendidikan swasta antarabangsa yang lain.

Pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan institusi pendidikan merupakan perkara yang perlu ditangani segera. Sekiranya masalah ini tidak dapat diselesaikan, ia akan membawa kepada masalah lain seperti pembayaran gaji yang tertunggak, penyelenggaraan infrastruktur tidak dapat diselenggara dengan baik dan kebajikan pelajar tidak dapat dipelihara sebaiknya (Jaafar et al., 2017). Permasalahan yang dihadapi ini sebenarnya telah merencatkan peranan institusi pendidikan sekolah agama sebagai salah sebuah pusat bimbingan agama kepada masyarakat.

METODOLOGI


Kajian ini mengguna pakai kajian kualitatif menggunakan kajian kes melalui pemerhatian turut serta. Kajian ini dilakukan di Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum (SRIBU), Pulau Pinang. Dana agihan wang *syubhab* telah diperuntukkan setiap tahun oleh pihak universiti di seluruh Malaysia untuk dimanfaatkan ke arah pembangunan lestari. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (MIAM) untuk mengurus dana tersebut telah membuatkan pihak Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Universiti Sains Malaysia (USM) menggunakannya untuk memenuhi matlamat yang digariskan dalam SDG1, SD2, SDG4 dan SDG8.

Walaupun MIAM memberi kepercayaan sepenuhnya untuk membelanjakan dana yang ada tanpa menentukan sebarang projek kepada pihak USM, dana tersebut tidak sewenang-wenangnya diagihkan kerana ia melibatkan dana *syubhab*. Selain itu, ia juga melibatkan amanah yang perlu dipikul oleh pihak CGSS untuk menggunakan dana tersebut sebaik mungkin. Terdapat tiga projek lain yang dicadangkan oleh CGSS sebelum ini telah ditolak iaitu pertama, pembinaan laluan pejalan kaki di hutan dara USM atau lebih dikenali sebagai EcoHub. Kedua, peluasan bangunan pusat pengumpulan barang kitar semula yang dikenali sebagai Environmental Protection and Education Hub (EPEhub). Ketiga, pembinaan pusat pengumpulan minyak masak terpakai. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga cadangan tersebut ditolak selepas pihak CGSS dan Timbalan Naib Canselor (Kelestarian dan Pembangunan Institusi) membuat penilaian terhadap impak jangka panjang projek yang ingin dilaksanakan.


Menggunakan analisis SWOT, keempat-empat projek ditapis supaya pilihan yang tepat dapat dipilih daripada kesemua projek yang tersenarai. Analisis SWOT digunakan bertujuan untuk perancangan strategik dan teknik pengurusan strategik yang digunakan untuk membantu seseorang atau organisasi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang berkaitan dengan persaingan perniagaan atau perancangan projek. Ia kadang kala dipanggil penilaian situasi atau analisis situasi (Will Kenton, 2022).

Hasil Kajian


Analisis SWOT yang terhasil daripada keempat-empat projek yang dicadangkan adalah sebagaimana berikut:




Rajah 1: Keputusan Analisis SWOT Pembinaan Laluan Pejalan Kaki di dalam EcoHub Living Lab, USM



Rajah 2: Keputusan Analisis SWOT Peluasan Bangunan Environmental Protection and Education Hub (EPEhub), USM



Rajah 3: Keputusan Analisis SWOT Pembinaan Pusat Pengumpulan Minyak Masak Terpakai, USM



Rajah 4: Keputusan Analisis SWOT Projek Penternakan Arnab Pedaging di Sekolah Rendah Islam Barul Ulum (SRIBU) dengan kerjasama Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), USM

Berdasarkan keempat-empat analisis SWOT yang telah dijalankan, pihak USM telah memilih untuk melaksanakan projek yang keempat iaitu Projek Penternakan Arnab Pedaging di SRIBU dengan kerjasama CGSS. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan ia telah menepati banyak matlamat yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) iaitu tiada kemiskinan (SDG1), sifar kebuluran (SDG2), pendidikan yang berkualiti (SDG4), dan kerja yang baik

dan pertumbuhan ekonomi (SDG8). Daripada empat matlamat SDGs tersebut ia sangat terkait dengan keusahawanan sosial yang ingin dibangunkan melalui projek penternakan arnab tersebut.

Projek penternakan arnab tersebut sedang giat dilaksanakan di SRIBU. Projek yang bermula pada Jun 2022 yang bermula dengan projek pembinaan reban arnab bersaiz 20'x 20' telah siap dan telah menempatkan sebanyak 36 induk arnab. Induk arnab telah dimasukkan pada pertengahan Ogos 2022 dan dijangka akan dapat mengeluarkan hasil pertamanya pada pertengahan Disember 2022. Walaupun pihak CGSS terlibat secara langsung dalam projek ternakan arnab pedaging ini, pihak CGSS hanya bertanggungjawab memantau perbelanjaan wang *syubhab* yang diperuntukkan oleh MAIM. Kerja-kerja yang berlangsung di lapangan diuruskan sepenuhnya oleh pihak SRIBU.

ANALISIS KAJIAN

Dana wang *syubhab* ini berjaya disalurkan kepada pihak sekolah untuk projek ternakan arnab pedaging berbanding projek lain kerana projek ini merupakan projek berbentuk kebajikan yang dijalankan untuk membantu pihak sekolah menyediakan fasiliti dan infrastruktur sekolah. Dana ini tidak terus digunakan sebaliknya dikembangkan terlebih dahulu untuk menjayakan projek penternakan arnab. Keuntungan daripada projek ini barulah digunakan untuk membiaya keperluan yang dirasakan perlu oleh pihak sekolah. Pembiayaan yang digunakan untuk dana ini adalah seperti membiayai pembiayaan reban arnab, pembelian dedak, induk arnab dan alatan-alatan penternakan.

Berdasarkan analisis terhadap hasil dapatan projek ternakan arnab pedaging tersebut, projek ini telah memenuhi empat matlamat SDGs daripada 17 matlamat yang telah digariskan oleh United Nations iaitu SDG1, SDG2, SDG4 dan SDG8. SDG1 iaitu tiada kemiskinan secara tidak langsung memberi peluang kepada pihak sekolah menambah pendapatan hasil daripada jualan produk arnab pedaging. Pendapatan yang berkembang ini tidak sahaja dapat digunakan untuk membiayai operasi sekolah seperti pembayaran gaji dan elaun kepada kakitangan sekolah. SDG2 iaitu sifar kebuluran secara tidak langsung projek ini menyumbang kepada sekuriti makanan di Malaysia. Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 turut dapat disokong melalui projek ini. SDG4 yang berkait pendidikan yang berkualiti pula dapat dilaksanakan daripada hasil pendapatan jualan produk arnab pedaging. Selain daripada pembayaran operasi, projek ini juga dijangka dapat menampung pembayaran pembangunan yang melibatkan fasiliti dan infrastruktur sekolah. Ia penting bagi menjamin kualiti pendidikan terbaik dapat diberikan kepada pelajar. SDG8 iaitu penghasilan kerja yang baik dan pertumbuhan ekonomi juga terhasil daripada projek ini. Projek yang turut berteraskan keusahawanan sosial ini tidak sahaja membina peluang pekerjaan

baharu kepada penduduk tempatan tetapi juga dapat menambah pendapatan dalam kalangan staf sekolah.

Berdasarkan analisis SWOT yang dijalankan terhadap projek ternakan arnab pedaging tersebut, pihak CGSS dan SRIBU mendapati walaupun terdapat kelemahan dan ancaman dalam projek yang dilaksanakan ia dapat diatasi dengan baik. Kelemahan yang ditemui dalam projek ini adalah pihak sekolah tidak ada pengalaman yang mencukupi untuk memasarkan produk. Menurut Lumen Learning (t.t), pemasaran produk adalah suatu aktiviti yang sangat penting dalam kitaran produk yang dihasilkan. Sekiranya pemasaran produk gagal dilakukan, produk tidak akan sampai ke tangan pembeli. Kesannya akan membuatkan lambakan stok produk tidak terjual dan merugikan penternak. Walau bagaimanapun, kelemahan ini dapat diatasi apabila pihak sekolah berjaya menghubungi pemborong-pemborong untuk menjual arnab pedaging sama ada arnab hidup mahupun yang telah disembelih menjadi produk sejuk beku.

Melalui analisis SWOT juga, pihak pelaksana projek mendapati projek ini memiliki ancaman iaitu harga dedak yang tidak stabil. Kenaikan harga dedak secara mendadak akan membuatkan kos operasi penternak meningkat. Harga dedak meningkat akibat peningkatan kos pengangkutan, kejatuhan mata wang dan bahan komoditi seperti jagung dan soya yang terhad di pasaran antarabangsa (Jamaliah Abdullah, 2022). Hal ini agak sukar diatasi kerana Malaysia bukanlah pengeluar hasil pertanian bahan mentah untuk membuat dedak. Walaupun kenaikan harga dedak tidak dapat diatasi, SRIBU cuba mengatasinya dengan memberikan tumbuhan hijau seperti rumput napier kepada arnab yang ditenak. Rumput napier ini turut ditanam di sekeliling reban arnab untuk memudahkan pemberian rumput ini kepada ternakan apabila diperlukan. Walau bagaimanapun, ternakan arnab masih lagi memerlukan dedak kerana dedak mengandungi segala zat-zat untuk pertumbuhan arnab sekurang-kurangnya pada kadar kuantiti yang minimum. Walau bagaimanapun, dedak masih lagi menjadi makanan utama arnab pedaging. Namun, dengan adanya makanan tambahan daripada rumput napier, kos dedak dapat dikurangkan (Jabatan Perkhidmatan Veterina, 2022).

RUMUSAN KAJIAN

Inovasi untuk menyelesaikan masalah sosial masyarakat melalui keusahawanan sosial merupakan inovasi yang terbaik dapat digerakkan oleh pelbagai institusi bagi menjayakan projek keusahawanan sosial. Inovasi ini tidak akan berjaya sekiranya hanya melibatkan pihak penerima semata-mata. Ia memerlukan daya usaha sekurang-kurangnya daripada pihak penyumbang dan penerima dana. Projek penternakan arnab di SRIBU ni pula melibatkan tiga pihak iaitu pihak penyumbang dana dari MIAM, pengurus dana dari CGSS dan penerima dana

iaitu SRIBU. Lebih unik lagi apabila dana yang dibekalkan adalah dana daripada wang *syubhab* daripada pihak perbankan.

Inovasi keusahawanan sosial ini boleh dikembangkan ke sekolah lain kerana ia berpotensi besar untuk membantu pihak sekolah memperkukuh kewangan sekolah. Kewangan sekolah yang kukuh memberi implikasi besar kepada sistem pendidikan di sekolah kerana fasiliti dan infrastruktur terbaik dapat diberikan. Selain itu, operasi sekolah seperti pembayaran gaji dan pembayaran bil utiliti juga dapat dibayar dengan lebih baik apabila dana tersebut dapat dikembangkan melalui projek keusahawanan sosial.

RUJUKAN

- Abdullah, M. F., & Seman, A. C. (2018). Pengurusan Pendapatan Tidak Patuh Syariah di Bank Muamalat Malaysia Berhad: Management of Shariah Non-Compliance Income in Bank Muamalat Malaysia Berhad. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 93-114.
- Al-Qaradawiy, Yusuf. (2014). *Fiqh keutamaan: Keutamaan seorang muslim*. (Lasafarudi Lahadi & Ahmad Muzakkir Ahlami. Trans.). Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd. (Buku original diterbitkan 1926).
- BNM, Bank Negara Malaysia. (2013). *Guidelines on Late Payment Charges for Islamic Financial Institutions*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Saidatolakma, M. Y., Sayed Sikandar, A. H., Zuraidah, K., Mek Wok, M. (2017). Purification of Non-Halal Income in Malaysia Islamic Banks: An Overview. *Journal of Islam in Asia*. Vol.14, No.2, 305-326.
- Jabatan Perkhidmatan Veterina. (t.t). *Arnab Pedaging*. Diakses dari <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/314> pada 6 Oktober 2022.
- Jamliah Abdullah. (2022, 2 Januari). *Harga dedak naik lagi, penternak mengeluh*. Utusan Malaysia. Diakses dari <https://www.utusan.com.my/berita/2022/01/harga-dedak-naik-lagi-penternak-mengeluh/> pada 6 Oktober 2022.
- JAWHAR, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. (2009). *Manual pengurusan harta syubhab*. Putrajaya: Jabatan Wakaf Zakat dan Haji.
- Lumen Learning. (t.t). Marketing through the Product Cycle. Diakses dari <https://courses.lumenlearning.com/wm-introductiontobusiness/chapter/marketing-through-the-product-cycle/> pada 6 Disember 2022.
- Will Kenton. (2022). *What is SWOT Analysis?* Investopedia. Diakses dari <https://www.investopedia.com/terms/s/swot.asp> pada 5 Oktober 2022.